

KEWUJUDAN FILEM CETAK ROMPAK & FILEM TIDAK BERTAPIS : MENGAPA MASIH BERLAKU?

NOOR AZIAH ABDULLAH
WAN AMIZAH WAN MAHMUD
MOHD NOR SHAHIZAN ALI

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Abstrak

Filem dikatakan mencerminkan imej dan ketamadunan sesuatu bangsa. Pemerolehan mesej akan diserap ke minda melalui tingkah laku dan komunikasi yang dipaparkan. Namun perkembangan industri filem dicatatkan dengan ancaman dan cabaran aktiviti filem cetak rompak dan filem tidak bertapis. Filem cetak rompak ialah filem yang tidak memiliki tanda hologram yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, manakala filem tidak bertapis ialah filem yang tidak mendapat kelulusan tapisan daripada Lembaga Penapisan Filem, Kementerian Dalam Negeri. Justeru kertas kerja ini mahu mengupas faktor penyumbang kepada kewujudan aktiviti yang menyalahi undang-undang ini. Dengan menggunakan kajian kualitatif, makalah ini cuba meneroka permasalahan yang menyebabkan kewujudan aktiviti ini. Temu bual mendalam dijalankan ke atas 17 informan yang terdiri dari pelbagai agensi kerajaan dan pemain industri filem. Data dianalisis menggunakan perisian Atlas.ti dan hasil kajian mendapati bahawa faktor kewujudan aktiviti filem cetak rompak dan filem tidak bertapis ini berpunca daripada perkembangan teknologi, isu hak cipta, tatacara pelaksanaan penguatkuasaan, tatacara kelulusan dagangan dan peruntukan undang-undang sedia ada. Rumusnya, kewujudan filem cetak rompak dan filem tidak bertapis adalah berikutan dasar dan perundangan yang sedia ada yang tidak mampu mengekang dan mengawal aktiviti tersebut.

***Kata kunci:** Filem cetak rompak, filem tidak bertapis, isu hak cipta, dasar dan perundangan.*

EXISTENCE OF PIRACY AND UNCENSORED FILMS: WHY IS IT STILL HAPPENNING?

Abstract

A film is said to reflect the image of a nation and civilization. Messages received will be absorbed into the mind through the portrayal of behavior and communication of the film. However, the development of the film industry is marred by threats and challenges of piracy and uncensored films. Pirated films are films that do not have a hologram mark issued by the Ministry of Domestic Trade, Cooperatives and Consumerism, while the uncensored films are films that do not get approval from the Film Censorship Board, Ministry of Home Affairs. Thus this paper aims to analyze the factors contributing to the existence of these illegal activities. By using qualitative research, this paper attempts to explore the problems that led to the existence of these activities. In-depth interviews were conducted on informants from various government

agencies and film industry players. Data were analyzed using ATLAS.ti software and the study found that the existence of pirated movies and uncensored films are due to developments in technology, copyright issues, the implementation of the enforcement procedure, the procedure for the approval of the trade and current legal provisions. In conclusion, the existence of pirated films and uncensored films are due to the existing policies and legislations which are not able to curb and control these activities.

Key words: Pirated films, uncensored films, copyright issues, policies and legislations

PENGENALAN

Aktiviti filem cetak rompak merupakan fenomena yang bukan sahaja mengancam survival industri video dunia, malah hampir membunuh industri filem terutama bagi negara yang mana industri ini sedang membangun. Di samping itu juga memberi kesan secara tidak langsung hingga menyebabkan kerugian yang besar kepada mereka yang terlibat dalam industri ini.. Bagi negara yang menjadi pengeluar utama filem dan video seperti Amerika Syarikat, India, Britain dan Perancis, cetak rompak dikatakan telah menjadi satu ancaman yang besar kepada industri dan ekonomi (Adeyemi et al. 2013).

Dalam kajian ini filem cetak rompak yang dimaksudkan adalah filem yang tidak mempunyai hologram yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan kepenggunaan. Hologram atau dalam istilah undang-undang disebut sebagai label cakera optik. Keperluan mempunyai hologram atau label cakera optik termaktub di bawah Akta Perihal Dagangan 2011. Signifikan kepada penggunaan label cakera optik ini adalah sebagai langkah kerajaan membanteras aktiviti cetak rompak yang bermatlamat melindungi hak harta intelek. Hal ini kerana, filem yang dihasilkan secara cetak rompak merupakan filem yang tidak tulen dan dibuat salinan atau dicetak tanpa kebenaran pemegang hak cipta karya tersebut.

Penjualan dan pengedaran bagi filem cetak rompak ini sering berlaku di pasar-pasar malam, premis perniagaan tetap dan penjaja yang menggunakan beg atau bakul yang bergerak dari meja ke meja di dalam premis menjual makanan (KPDNKK 2012).

Uniknya, industri filem negara ini bukan sahaja terbeban dengan masalah filem cetak rompak malah turut mengalami lambakan filem tidak bertapis di pasaran. Kesan dan impak lambakan filem tidak bertapis ini memberi kesan yang lebih besar bukan sahaja kepada ekonomi, malah kepada pembentukan moral generasi akan datang. Filem tidak bertapis merupakan filem yang tidak mendapat kelulusan tapisan dari Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan kesalahan bagi sebarang aktiviti yang melibatkan filem bagi kategori ini diperjelaskan melalui perundangan yang mana berdasarkan kehendak di bawah Seksyen 18 Akta Penapisan Filem 2002:

“Pemunya sesuatu filem yang diluluskan oleh Lembaga untuk tayangan hendaklah mengecapkan pada filem itu tanda kelulusan Lembaga.”

Tanda kelulusan Lembaga yang dimaksudkan adalah Perakuan B sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Seksyen 17 Akta yang sama. Di samping itu, filem lucah (Obscene film) juga dikategorikan sebagai Filem tidak bertapis. Kesalahan ini termaktub di bawah Seksyen 5, Akta Penapisan Filem 2002 :

“Tiada seorang pun boleh –

(a) Ada atau menyebabkan dirinya ada dalam milikan, jagaan, kawalan atau pemunyaannya; atau

(b) menyebarkan, menayangkan, mengedarkan, mempamerkan, membuat, mengeluarkan, menjual atau menyewakan, apa-apa filem atau bahan publisiti filem yang lucah atau yang selainnya bertentangan dengan kesopanan awam.

Adegan yang bertentangan dengan kesopanan awam jelas dinyatakan di dalam Garis Panduan Penapisan Filem di bawah aspek Sosiobudaya yang antara lain menyentuh tentang larangan

adegan yang keterlaluan tingkah laku, gerak geri dan perkataan yang boleh merangsang seks atau menjurus kepada hubungan seks.

Apabila perbincangan mengenai filem cetak rompak dan filem tidak bertapis ini dibahaskan, adalah perlu ditekankan bahawa matlamat pembanterasannya bagi 2 kategori filem ini adalah sangat berbeza begitu juga kesan ke atas ekonomi, penggiat seni dan khalayak khususnya. Ini berikutan kesan aktiviti filem cetak rompak jelas menjejaskan kepentingan pemegang hak cipta atau menjurus kepada harta intelek manakala filem tidak bertapis pula memberi kesan secara langsung ke atas moral khalayak dan berupaya mengganggu proses sosialisasi terutama generasi muda khususnya. Ini disebabkan filem dikatakan mampu memberi kuasa estetik yang kuat, pandangan dalam pelbagai budaya dan kaedah baru berfikir secara sepintas lalu. Pemikiran ini terhasil dari kesan tontonan ke atas adegan yang digambarkan di dalam filem (Thompson & Bordwell 2003).

Justeru itu, setiap kategori filem ini diletakkan di bawah 2 kementerian yang berbeza. Pembanterasannya filem tidak bertapis diletakkan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) manakala filem cetak rompak di bawah kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). Setiap Kementerian di peruntukkan dengan kekuatan undang-undang yang tersendiri berteraskan kepada matlamat pembanterasannya aktiviti filem cetak rompak dan filem tidak bertapis.

Menurut Sang-Yeon 2010 dalam Nor Hashimah Jalaludin et al. (2011) menyatakan bahawa filem turut digunakan sebagai filem sebagai alat untuk mengkonstruksikan semula

pandangan dunia terhadap negara Korea khususnya dalam elemen keterhadapan, budaya, moden dan nilai antarabangsa yang digambarkan melalui filem bagi mengubah pandangan dunia terhadap negara tersebut. Maka suatu fenomena baru berjaya dibentuk iaitu kebangkitan gelombang Korea (Hallayu) yang dirasai oleh penggemar hiburan dunia (Sang-Yeon 2010 dalam Nor Hashimah Jalaludin et al. (2011). Menurut Fuziah Kartini dan Raja Ahmad Alaudin (2003) filem dianggap sebagai cabang kerajaan dan dengan itu filem mesti berfungsi selaras dengan kehendak kerajaan.

Kementerian Dalam Negeri sebagai Kementerian yang berfungsi menjaga keselamatan dalam negeri, maka matlamat penapisan filem di bawah kementerian ini adalah agar penghasilan karya-karya filem tanah air tidak keterlaluan yang boleh memberikan impak negatif terhadap aspek keselamatan dan ketenteraman awam, keagamaan, sosiobudaya serta ketertiban dan kesusilaan masyarakat Malaysia. Selaras itu, berteraskan kepada 4 aspek utama dalam prinsip penapisan, filem bagi pengertian Kementerian ini tidak berpaksikan kepada seni kreatif yang membenarkan segala bentuk onar dan cela digambarkan tanpa mengambil kira impak kepada penonton. Ini disebabkan filem turut menjadi wadah kepada proses sosialisasi kanak-kanak dari kecil sehingga meningkat dewasa. Di samping filem juga menjadi titik pertembungan budaya yang memberi pendedahan kepada khalayak.

Namun berbeza matlamat dengan pembanterasan filem cetak rompak oleh KPDNKK yang mana menjurus kepada pemeliharaan harta intelek atau hak cipta karya seseorang. Titik tolak keseriusan pihak kerajaan terhadap isu ini bermula apabila Malaysia menyertai

Konvensyen Berne 1967 yang mana antara inti pati konvensyen tersebut adalah setiap ahli konvensyen dijanjikan pemeliharaan hak cipta.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Industri filem telah berperang dengan cetak rompak semenjak kemunculan awal filem lagi. Tindakan yang diambil bukan sahaja melibatkan aplikasi kemajuan teknologi malah pengedaran strategi yang lebih berkesan juga dilaksanakan bagi menghalang kemasukan pencabulan hak cipta. Pelbagai kempen kesedaran telah di war-warkan yang menghebahkan tentang keburukan kualiti filem cetak rompak. Terutama dari sudut gambar yang tidak memuaskan dan kualiti bunyi yang teruk serta bahaya dan kesan dari pelanggaran terhadap undang-undang hak cipta. Kini industri filem terpaksa berdepan pula dengan perkembangan teknologi internet yang membolehkan aktiviti cetak rompak menjadi lebih cepat, popular dan meningkat (Parkes 2012).

Jadual 1.1: Statistik Penguatkuasaan, Bahagian Kawalan Filem & Penguatkuasaan, Negeri Selangor

Aktiviti	2012	2013
Operasi	418	409
Rampasan	1.5 juta	172,294
Tangkapan	61	71

Sumber: Bahagian Kawalan Penapisan Filem & Penguatkuasaan, Kementerian Dalam Negeri, Negeri Selangor, 2014

Namun kerancangan industri perfileman ini telah terganggu oleh peningkatan aktiviti penjualan dan pengedaran filem cetak rompak. Ini dapat dibuktikan dengan data dan statistik

yang diperoleh dari salah satu agensi Penguatkuasaan yang terlibat secara langsung dalam usaha kerajaan memerangi cetak rompak dan filem tidak bertapis. Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan, yang merupakan agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah melakukan operasi di seluruh Negeri Selangor yang mencatat jumlah tangkapan dan rampasan yang meningkat. Pada tahun 2012 jumlah operasi yang dijalankan adalah sebanyak 418 operasi dengan jumlah rampasan sebanyak 1.5 juta filem pelbagai tajuk dalam bentuk VCD/DVD melibatkan sebanyak 61 tangkapan. Manakala pada tahun 2013 jumlah operasi berkurangan iaitu sebanyak 409 operasi dengan jumlah rampasan juga berkurangan iaitu sebanyak 172,294 filem manakala jumlah tangkapan pula meningkat iaitu sebanyak 71 tangkapan. Operasi turut mencakupi semua premis perniagaan yang menjual filem tidak mendapat kelulusan Lembaga Penapisan Filem (LPF) dan lucah. Selain itu operasi turut dilaksanakan di kaunter pasar malam, kaki lima dan penjaja yang menggunakan beg atau bakul serta rumah kediaman yang dijadikan stor penyimpanan filem tidak bertapis ini. Sungguhpun data ini hanya melibatkan operasi yang dijalankan oleh Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan, Negeri Selangor sahaja Jelas di sini betapa banyaknya filem cetak rompak dan haram di pasaran. Statistik ini diperincikan di dalam Jadual 1.1.

Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang membawa kewujudan aktiviti filem cetak rompak dan filem tidak bertapis. Dan menghubungkan isu filem cetak rompak dan filem tidak bertapis dengan model Sistem Media Normatif.

KERANGKA TEORI

Oleh kerana teori yang tradisi atau lama yang dihasilkan mempunyai kekangan dan terhad, maka muncullah teori baru yang diadaptasi dan disesuaikan dengan kehendak masyarakat dan hubungan antara pemerintah dan rakyat serta persekitaran baru kewartawanan (Amira Sariyanti, 2012). Kesempatan ini diambil oleh Sarjana Mc Quail (2010) yang bertindak menghasilkan teori baru iaitu teori media normatif dengan menekankan peranan media dari yang tradisi iaitu apa yang sepatutnya dan patut dilakukan kepada peranan baru yang sejajar dengan perkembangan dunia pada masa kini.

Kemunculan teori media normatif ini adalah meliputi faktor dalaman dan desakan dari luaran yang menuntut bagaimana media sepatutnya beroperasi. Beliau memandang dari sudut sistem pemerintahan sesebuah kerajaan. Sebagai contoh, dalam sistem demokrasi, media berganding erat bersama institusi politik dengan menyebarkan berita, pelan tindakan ahli politik dan pendapat mereka. Pelaksanaan peranan ini bergantung kepada kuasa media. Terdapat 2 sumber utama yang mempengaruhi kuasa media. Kerajaan dan agensi yang terlibat dengan media dikatakan merupakan sumber utama serta berupaya mempengaruhi sistem media. Sistem media dikatakan boleh menggambarkan bagaimana sesuatu kerajaan itu ditadbir yang mempunyai kuasa untuk memberi ganjaran atau menghukum organisasi media.

Menurut sarjana McQuail (2010) model sistem media bebas berteraskan kepada teori kebebasan tradisi (Four Theories Of The Press) yang mana kunci utama kepada teori ini adalah kebebasan dari sudut pemilikan dan operasi media itu sendiri dari kawalan mana-mana pihak terutama kerajaan. Model ini menekankan bahawa kehendak individu adalah merupakan kehendak awam. Jelas teori bahawa pengucapan awam harus dibenarkan di tempat terbuka dan

dianggap sebagai medan pertukaran ide selain dari mendekatkan jurang antara rakyat dan pemerintah. Pencapaian akauntabiliti kepada masyarakat dan individu lain dicapai melalui pasaran media dan sedikit kawalan sendiri serta peranan kecil kerajaan. Elemen utama dalam model ini adalah kebebasan dalam kepelbagaian penerbitan akan memberi lebih banyak informasi dan kebaikan kepada khalayak.

Model seterusnya adalah '*A sosial responsibility or public interest model*'. Model ini menekankan media bertanggungjawab mengekalkan standard yang tinggi melalui kawalan sendiri dan intervensi kerajaan. Akauntabiliti kepada khalayak merupakan elemen utama dalam model ini. Oleh yang demikian, stesen penyiaran awam terletak dalam model ini. Model ketiga yang dibentuk oleh Sarjana Mc Quail (2010) adalah '*A profesional model*'. Beliau mendefinisikan model ini dengan menyatakan bahawa wartawan itu sendiri berperanan dalam mencorakkan sistem media itu melalui peranan yang dimainkan kepada masyarakat dan khalayak.

Sarjana ini turut merumuskan model keempat dari teori media normatif iaitu model media alternatif yang memfokuskan kepada media yang bukan dari arus perdana yang berbeza cita-cita dan tujuan. Namun begitu terdapat persamaan dari segi nilai, penekanan kepada skala organisasi yang kecil, penyertaan, masyarakat, perkongsian matlamat antara penerbit dan khalayak, dan terdapat beberapa keadaan media ini menyokong pihak pembangkang demi niat bagi menjelaskan isu sebenar.

Dalam membahaskan berhubung isu cetak rompak dan filem tidak bertapis yang masih berleluasa di negara ini, pengkaji cuba melihat hubung kait isu ini dengan sistem media itu sendiri berpandukan kepada Teori Normatif Media McQuail (2010).

FENOMENA FILEM CETAK ROMPAK ANTARABANGSA

Fenomena filem cetak rompak masih berleluasa di negara China (Hill 2007). Ini mendorong pihak United State Trade Representative meletakkan negara tersebut dalam '*priority list*' mengikut senarai negara yang terlibat dalam aktiviti cetak rompak terutama melibatkan filem. Sebanyak 90 % filem yang berada di China adalah filem cetak rompak di mana majoriti adalah dari Amerika Syarikat (The Motion Picture Association of America 2006). Jumlah ini telah bertambah iaitu pada anggaran 93% pada tahun 2007 disusuli oleh Rusia (81%), Hungary (73%), Poland (66%), Thailand (62%), Mexico (62%), dan Taiwan (51%) (The Motion Picture Association of America 2007).

Kewujudan berterusan fenomena ini turut disokong oleh faktor ideologi konfucionisme yang diaplikasikan oleh rakyat China. Penekanan ideologi ini amat difokuskan terutama dalam melibatkan harta kemewahan yang mana mengikut pegangan ini pembahagian sama rata adalah digalakkan. Ini membawa kepada kurangnya kesedaran rakyat negara China berhubung kepentingan harta intelek. Oleh kerana rejim harta intelek ini juga berkait rapat dengan ideologi konfucionisme maka fenomena ini tidak begitu diberi perhatian oleh pihak kerajaan termasuk dari sudut penegasan perundangan dan penguatkuasaan (Shipman 2007).

Penemuan kajian oleh Shipman (2007) berhubung filem cetak rompak di China turut menemui bahawa kos penghasilan cakera optik yang murah menyumbang kepada ‘kemeriahan’ aktiviti ini. Hal ini kerana perkembangan teknologi yang membawa kepada kos penghasilan cakera optik yang lebih murah. Tinjauan turut mendapati bahawa penyalahgunaan kuasa politik oleh pihak berkuasa tempatan yang mengamalkan rasuah demi kepentingan ekonomi mereka memburukkan lagi keadaan. Dengan mengambil contoh sebuah daerah di China, di mana aktiviti filem cetak rompak membantu memberi pekerjaan kepada penduduk tempatan. Tindakan perundangan juga gagal memberi sebarang kesan berikutan dengan hukuman yang rendah dan tidak setimpal yang langsung tidak memberi sebarang kesan kepada industri cetak rompak tersebut.

Nigeria yang merupakan negara yang sedang membangun turut mengalami fenomena ini. Penemuan kajian oleh Adeyami et al. (2013) mendapati bahawa dimensi etnik memainkan peranan yang penting dalam tren video cetak rompak yang berbahaya di Lagos yang mana perebutan dua kumpulan etnik yang besar dalam aktiviti ini memburukkan lagi keadaan. Di samping itu turut ditemui beberapa faktor penyumbang yang lain seperti tahap kesedaran yang rendah tentang video cetak rompak dalam kalangan masyarakat awam di Nigeria, penggunaan teknologi yang canggih untuk persaingan dan menarik perhatian pasaran, pengawalan secara rahsia dan dilindungi oleh penjenayah terhadap aktiviti cetak rompak, penggunaan medium/format selain dari VCD/DVD cetak rompak seperti internet, You tube, dan penggunaan kabel serta penglibatan stesen televisyen dan internet dalam aktiviti cetak rompak.

Dalam kebanyakan bentuk cetak rompak, perkara yang menjadi isu bukan sahaja melibatkan perbezaan sosial tetapi lebih kepada keterbukaan pendedaran. Ini mendorong penerbit di Nigeria iaitu Charles Igwe turut sama terlibat dalam kempen anti cetak rompak dengan memfokuskan kepada tugas utama industri filem di Nigeria adalah untuk memastikan proses pendedaran dan pengagihan yang meluas agar ruang atau insentif untuk membeli filem cetak rompak dapat dikekang (Lobato 2010).

Sebagai negara yang utama dalam pengeluaran filem United Kingdom, juga menghadapi masalah sejangat iaitu cetak rompak. Jika secara tradisi filem dicetak rompak menggunakan VCD/DVD kini perkembangan teknologi telah mengubah tatacara filem dicetak rompak yang mana industri filem di negara tersebut berhadapan dengan aktiviti filem cetak rompak melalui muat turun dari Internet yang lebih pantas dan boleh dilakukan dari rumah sahaja. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti strategi yang bakal dilakukan oleh pihak industri filem dengan memfokuskan tindakan pihak industri filem yang berusaha untuk mengurangkan populariti filem cetak rompak, dengan penyertaan khalayak filem dan juga pemberian hadiah kepada mereka yang telah mendapatkan filem secara sah. Kajian ini juga melihat kepada perubahan polisi yang dilakukan oleh pihak kerajaan berhubung dengan aktiviti muat turun filem secara tidak sah dan sebarang usaha yang dilakukan kini bagi menyediakan kemudahan untuk memuat turun filem melalui saluran yang dibenarkan dan sah (Parkes 2012). Rumusannya resepi utama yang menyumbang kepada kewujudan aktiviti cetak rompak di peringkat global adalah disebabkan oleh nilai harga yang tinggi bagi produk media, pendapatan yang rendah khalayak dan perkembangan teknologi yang membawa kepada penghasilan cakera optik yang murah (Lobato & Thomas 2012).

FENOMENA FILEM CETAK ROMPAK TEMPATAN

Menurut Motion Picture Association (MPA) filem cetak rompak mempunyai kepelbagaian manifestasi yang terdiri dari 8 bentuk iaitu cakera optik cetak rompak, cetak rompak di Internet, cetak rompak kaset video, pencuri cetak teater, pencuri signal, cetak rompak penyiaran yang terdiri dari persembahan umum dan sehubungan dengan yang import (McIlwain 2005).

Oleh itu, Malaysia tidak terkecuali dalam mengaplikasikan salah satu manifestasi filem cetak rompak iaitu cakera optik. Ini diakui oleh Malcomm (2003) yang merupakan Timbalan Penolong Peguam Negara dari Bahagian Keadilan, Division Jenayah, Amerika Syarikat yang berkaliber mengendalikan kes-kes jenayah termasuk cetak rompak. Menurut Pegawai Pendakwa di Malaysia yang menjalani latihan di bawah kelolaan Timbalan Penolong Peguam Negara, Amerika Syarikat ini, Malaysia dikatakan mempunyai kemudahan yang dikuasai dan dimiliki oleh sindiket jenayah terancang terutama kumpulan penjenayah yang mempunyai kekayaan dan berkuasa dari Taiwan yang bukan sahaja di Malaysia malah seluruh Asia. Situasi ini terlihat jelas melalui lambakan filem cetak rompak yang dijual di pasaran terbuka dengan tanda pengenalan pada warna lapik meja yang digunakan untuk menjual filem cetak rompak yang mana mewakili kumpulan penjenayah tertentu yang menguasai satu-satu kawasan (Malcomm 2003 dalam McIlwain 2005).

Kumpulan ini yang dikenali sebagai “ United Bamboo Gang ” mempunyai kebanyakan aktiviti cetak rompak di Malaysia mencakupi semua bidang di Malaysia termasuk politik, pembinaan, hartanah sehinggalah ke industri hiburan dan pelancongan dan dapat dikatakan terlibat dalam jenayah terancang di Taiwan (U.S. General Accounting Office 1989). Kumpulan

ini mengambil kesempatan dalam melebarkan sayap perniagaan filem cetak rompak di Malaysia ekoran dari penguatkuasaan yang kuat di China dan Hong Kong. Negara China terpaksa meningkatkan penguatkuasaan terhadap aktiviti filem cetak rompak ekoran dari amaran keras pihak USTR yang menyebabkan aktiviti cetak rompak ini berkurangan di China dan Hong Kong. Tindakan penguatkuasaan termasuk pembakaran makmal memproses filem tidak bertapis dan penahanan ahli-ahli yang terlibat dalam aktiviti ini pada tahun 1990 an . Secara tidak langsung situasi ini mengundang persepsi baru bagi Malaysia yang dikatakan sebagai negara utama dalam pengeluaran dan pengedaran filem cetak rompak (Karaganis 2011).

Survival aktiviti filem cetak rompak ini berterusan apabila tidak lama selepas itu, laporan oleh IIPA Special 301 Report, 2001 melaporkan bahawa Malaysia telah dikenal pasti sebagai negara yang pertama terlibat dalam aktiviti cetak rompak berdasarkan VCD cetak rompak bagi filem James Bond “The World Is Not Enough” yang ditayangkan serentak di seluruh dunia. Ciri-ciri yang dikesan pada cakera optik tersebut dikenal pasti di buat di Kuala Lumpur dan pengedaran berlarutan ke negara lain seperti India dan Pakistan dalam masa yang singkat (IIPA Special 301 Report 2001).

Satu lagi penemuan yang mengaitkan Malaysia dengan aktiviti cetak rompak adalah apabila pihak Britain’s Metropolitan Police Service (MPS) pada tahun 2003, telah menahan Justin Ng semasa ketibaan beliau di UPS London bagi mengambil parcel yang mengandungi DVD cetak rompak. Siasatan seterusnya ke tempat tinggal beliau mendapati bahawa sebahagian DVD yang diimport/eksport adalah dari Malaysia bagi tujuan diedarkan di seluruh London (Treverton 2009).

Beberapa penemuan yang menghubungkan negara Malaysia sebagai negara utama dalam aktiviti filem cetak rompak di laporkan telah menarik perhatian pihak IIPA dengan melaporkan di dalam Special 301 Report (2005) .Laporan ini menyatakan bahawa dengan populasi penduduk seramai 26 juta orang, sebanyak 126 bahagian pemprosesan mampu mengeluarkan sebanyak lebih dari 441 juta keping setiap tahun, Kebanyakan kilang pengeluaran filem cetak rompak ini terdapat di Nilai, Sungai Buluh dan Seremban. Oleh sebab Malaysia mempunyai infrastruktur yang baik dalam perkapalan dan perindustrian sama ada di peringkat tempatan dan dunia, ini memudahkan produk tersebut dihantar dalam jumlah yang banyak iaitu sehingga mencecah sebanyak 10 ribu filem cetak rompak ke luar negara melalui Pelabuhan Kelang atau melalui kargo udara dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (IIPA Special 301 Report 2005).

Tinjauan turut dibuat ke atas kajian yang dijalankan oleh “RAND of the Safety and Justice Program” (2009) di bawah penyeliaan “RAND Infrastructure, Safety, and Environment” dan “RAND Center for Global Risk and Security,” mendapati Malaysia memainkan peranan yang aktif terlibat dalam aktiviti cetak rompak sebagai salah satu negara yang mengeluarkan filem cetak rompak dalam bentuk DVD dan di edar serta dijual di London. Kumpulan Kongsi Gelap Ang Bin Hoey merupakan pihak yang berpengaruh dan mempunyai kawalan ke atas semua pasaran haram yang melibatkan serangan senjata, rompakan, peras ugut dan pelbagai aktiviti jenayah yang lain . Kajian ini turut menyatakan bahawa Malaysia menghadapi kesukaran untuk melakukan operasi penguatkuasaan di kilang-kilang yang mengeluarkan filem cetak rompak disebabkan pihak pengilang enggan membenarkan anggota penguat kuasa untuk melakukan pemeriksaan (Treverton 2009).

Dalam pada itu menurut kajian yang dilakukan oleh Yar (2005), bahawa pihak Motion Picture Association di United Kingdom telah mengenal pasti bahawa negara-negara di Asia Tenggara merupakan negara utama yang merupakan pusat penghasilan dan pengeksportan filem cetak rompak dengan melabelkan Malaysia sebagai pusat utama cetak rompak dengan mencatat jumlah tertinggi iaitu sebanyak 61% DVD cetak rompak yang memasuki United Kingdom adalah dari Malaysia melalui Lapangan Terbang Kuala Lumpur (Yar 2005).

Manakala dalam kajian Wang (2006) berhubung isu cetak rompak turut menekankan bahawa negara Asia seperti China, Taiwan, India, Thailand dan Malaysia merupakan negara yang sedang membangun dari segi ekonomi dan pasaran. Pada dasarnya, keunikan pembangunan ekonomi dan perkembangan teknologi yang melanda negara Asia ini telah mengakibatkan bukan sahaja kebanjiran pengeluaran barangan berorientasikan eksport malah lambakan barangan cetak rompak (Wang 2006).

Apabila ditinjau kajian tempatan berhubung aktiviti filem cetak rompak di Malaysia, kajian oleh Yusman (2002) dalam Ahmad Shamsul (2006) tidak terkecuali menegaskan bahawa masalah cetak rompak di Malaysia bukanlah perkara yang baru dibangkitkan atau disedari oleh negara. Perkembangan teknologi turut mendorong status negara ini 'dikemas kini' sebagai negara yang utama dalam aktiviti cetak rompak dengan penghasilan cakera optik yang murah sekaligus memberi 'kemudahan' kepada aktiviti ini untuk terus berkembang sehingga ke peringkat dunia (Yusman 2002 dalam Ahmad Shamsul 2006).

METODOLOGI KAJIAN

Dapatan kajian diperoleh analisis dokumen, pemerhatian dan melalui temu bual berstruktur dan tidak berstruktur ke atas informan dari pelbagai kategori yang berkaitan dengan aktiviti ini. Tujuan analisis dokumen dalam kajian ini adalah untuk pengkaji menilai dasar penguatkuasaan iaitu tatacara penguatkuasaan yang dibentuk oleh kerajaan melalui agensi yang diwujudkan untuk menguatkuasakan penguatkuasaan dalam membanteras fenomena filem cetak rompak dan filem tidak bertapis. Manakala pemerhatian dilakukan oleh pengkaji di pasar malam dan permis perniagaan tetap yang menjual filem cetak rompak dan filem tidak bertapis. Menurut Othman Lebar (2014) penggabungan ketiga jenis temu bual iaitu tidak berstruktur, semi struktur dan berstruktur sering digunakan oleh kebanyakan kajian bagi mengumpulkan data yang lebih banyak. Temu bual perlu dilakukan apabila sesuatu fenomena yang dikaji itu memerlukan penyelesaian dari minda seseorang melalui perasaan atau pandangan seseorang itu (Othman Lebar 2014). Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan dengan menemu bual secara mendalam ke atas informan seramai 17 orang yang terdiri daripada penggubal dasar Kementerian, Pegawai Penguat kuasa dari pelbagai agensi penguatkuasaan, pengamal Undang-undang, penggiat seni, ahli persatuan pengguna dan pembeli. Kesemua informan adalah dari sekitar Lembah Kelang dan temu bual ini dijalankan bermula dari 16hb April 2015 dan hingga 15 Ogos 2015. Sebanyak 20 soalan yang mengandungi tema-tema yang telah dikenal pasti telah dikemukakan kepada informan berkenaan dengan fenomena filem cetak rompak dan juga filem tidak bertapis di negara ini. Kajian ini juga menggunakan ATLAS.ti dalam menganalisis data.

UNDANG-UNDANG YANG DIBENTUK

Akta Penapisan Filem 2002 memberi fokus kepada mekanisme penapisan filem di Malaysia. Oleh yang demikian, Akta Penapisan Filem 2002 merupakan akta induk yang

bertanggungjawab dalam semua aktiviti filem. Akta ini menjelaskan kaedah pelantikan Lembaga Penapisan Filem, penapisan filem, permohonan permit, pengubahan, pengeluaran Perakuan A dan B serta rayuan. Bahagian Kawalan Penapisan Filem Dan Penguatkuasaan dibentuk bagi melaksanakan peraturan dan menguatkuasakan undang-undang yang termaktub di dalam Akta Penapisan Filem 2002. Menurut Wan Amizah Wan Mahmud (2008) sejarah penapisan filem di Malaysia bermula pada tahun 1895 secara rasmi iaitu apabila Ordinan Teater digubal bertujuan untuk mengawal selia persembahan teater yang merangkumi kandungan cerita, moral pelakon, waktu tayangan selain dari keselamatan panggung itu sendiri.

Kedatangan Akta Hak Cipta ke Tanah Melayu pula bermula pada tahun 1826 hingga 1912, apabila English Copyright Act 1911 mula diguna pakai, undang-undang berkaitan hak cipta yang digunakan di Straits Settlements adalah undang-undang hak cipta di England yang ditemui dalam kebanyakan perundangan dan undang-undang biasa. Walau bagaimanapun tidak diketahui sama ada terdapat bukti yang menunjukkan bahawa undang-undang ini telah digunakan dalam sebarang kes yang berkaitan dengan hak cipta di Settlements (Khaw 1994).

Dalam menghadapi kepelbagaian perundangan, satu perundangan hak cipta yang bercirikan kebangsaan adalah diperlukan. Oleh yang demikian, Bill Hak Cipta yang berdasarkan Akta Hak Cipta 1956 (UK) dan Akta Hak Cipta New Zealand 1962 telah di gazet pada tahun 1967. Walau bagaimanapun Bill berkenaan telah diubahsuai dan semasa pembentangan di Parlimen pada tahun 1969 adalah berbeza dengan versi asal. Pengubahsuaian ini mengambil kira dengan Seminar Hak Cipta Asia Tenggara yang berlangsung di New Delhi pada 1967 dan juga Protokol di dalam Konvensyen Berne 1967. Akhirnya pada tahun 1969,

Akta Hak Cipta telah dilaksanakan pada 1 Ogos 1969 dan diguna pakai di seluruh Malaysia. Akta ini menggantikan Akta Hak Cipta 1911, Enakmen Hak Cipta (Cap 73), Akta Hak Cipta UK 1956, Ordinan Hak Cipta (Cap 160), The Telegram Copyright Ordinance (Cap 161) dan The Telegram Copyright Enactment (Cap 74). Antara yang dilindungi dalam akta ini adalah literasi, karya seni, bunyi, sinematographi filem dan penyiaran. Akta ini kemudian telah digantikan dengan Akta Hak Cipta 1987, ekoran dari perkembangan teknologi dalam pemalsuan terhadap karya muzik dan video kaset, menyukarkan penyelesaian tindakan (Khaw 1994).

Rasional kepada pengenalan perlindungan hak cipta adalah bertujuan iaitu pertama, bagi menggalakkan perkembangan dalam dunia sains dan sastera bagi memberi manfaat kepada umum manakala kedua adalah bagi memastikan keselamatan dan pulangan yang adil kepada pencipta sesuatu karya dan seterusnya meneruskan kesinambungan kreativiti (Khaw 1994).

Akta Perihal Dagangan 2011 merupakan suatu Akta bagi tujuan menggalakkan amalan perdagangan yang baik. Antara inti pati penggalakan tersebut adalah dengan melarang perihal dagangan palsu dan pernyataan, pengendalian dan amalan palsu atau mengelirukan berhubung dengan pembekalan barang-barang dan perkhidmatan serta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan atau bersampingan dengannya (APD 2011). Akta asal Perihal Dagangan 1972 telah dimansuhkan dan diganti dengan akta yang baru 2011. Tindakan ini diambil berikutan akta tersebut telah terlalu lama dan banyak pindaan yang perlu diselaraskan dengan isu terkini dan kemajuan teknologi. Misalnya, jualan secara atas talian yang mana tidak termaktub di dalam akta asal. Kesalahan yang sering didakwa di dalam

Akta ini adalah di bawah Seksyen 5 iaitu menjual barangan dengan menggunakan perihal perdagangan palsu sebagai contoh, menggunakan nama pengeluar yang berbeza dengan pengeluar sebenar.


Manakala Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik 2010) ini dikeluarkan sebagai pelengkap kepada Akta Induk iaitu Akta Perihal Dagangan 2011 yang berkait rapat dengan cetak rompak. Perintah ini merupakan Undang-undang subsidiari kepada Akta Perihal Dagangan yang tertakluk di bawah kuasa menteri di bawah Seksyen 69 di dalam Akta Induk yang berkuasa untuk mengeluarkan perintah. Antara Perintah tersebut adalah Perintah Perihal Dagangan – Label Cakera Optik -2010 yang menghendaki semua cakera optik yang hendak dijual perlu ditampal label cakera optik yang dikenali sebagai Hologram. Label cakera optik tersebut perlu mengandungi maklumat seperti lambang kebangsaan, nombor siri, perkataan “Original” atau “Tulen” dan ciri-ciri keselamatan seperti mana di bawah Seksyen 3 Akta tersebut.

Justeru itu, selain Akta Penapisan Filem 2002 yang diwujudkan sebagai mekanisme penapisan filem dan penguatkuasaan di Malaysia, Akta Hak Cipta 1987 dibentuk dengan antara lain bertujuan melindungi hak harta intelek melalui tindakan pembanterasannya cetak rompak. Harta Intelek ini termasuk karya seni, sastera, muzik, filem, rakaman, bunyi dan siaran. Bagi memperkukuhkan lagi penguatkuasaan, Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010 turut diperkenalkan untuk membanteras cetak rompak dan dalam masa yang sama melindungi harta intelek di negara ini (KPDNKK, 2014).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Faktor Kewujudan Filem Cetak Rompak Dan Filem Tidak Bertapis

Hasil dari dapatan temu bual, pengkaji memperoleh maklumat berhubung apakah punca yang menyebabkan aktiviti filem cetak rompak ini wujud. Digariskan 6 punca atau faktor yang menyumbang kepada kewujudan filem cetak rompak di pasaran. Antara faktor tersebut adalah, perkembangan teknologi, isu hak cipta, tatacara pelaksanaan, tatacara kelulusan, peruntukkan undang-undang dan literasi media. Biarpun perkembangan filem cetak rompak dan filem tidak bertapis dalam bentuk fizikal iaitu VCD/DVD kini disaingi oleh perkembangan teknologi namun keperluan VCD/DVD turut memainkan peranan meskipun pemerolehan filem kini berbeza. Perkembangan teknologi merupakan penyumbang yang dominan dalam faktor kewujudan aktiviti ini. Rajah 1 menjelaskan faktor yang telah dikenal pasti sebagai punca kewujudan aktiviti ini.



Rajah 1 Faktor Kewujudan Aktiviti Filem Cetak Rompak dan Tidak Bertapis

i. Perkembangan Teknologi

Biarpun perkembangan teknologi banyak memberi implikasi yang positif namun demikian berdasarkan penelitian ini faktor ini merupakan penemuan yang paling menonjol dalam temu bual yang dijalankan. Antara petikan-petikan temu bual tersebut:

“sekarang untuk filem Melayu selalu keluar di You Tube. Jadi ini merupakan punca juga kepada kemajuan filem cetak rompak”.D2

Sistem televisyen berbayar turut membawa kepada persaingan dalam aktiviti ini yang mana selain dari digunakan secara sah oleh khalayak terdapat juga aktiviti merakam dari penayangan filem di stesen ini dan mencetak serta diedarkan di pasaran.

“Yang satu lagi tu contoh Astro, Maxis, Unifi now dia punya kabel TV yang fiber optic yang ada di rumah, you boleh buat video on demand, dan movie on demand, so lagi bagus, Cuma you bayar sebulan berapa banyak you can do it dan you boleh watch on the go, dan boleh tengok di mana-mana, so people will go on for that”. A2

Perkembangan teknologi turut mengubah landskap kaedah penghasilan filem yang mana jika sebelum era perkembangan ini proses penghasilan filem memerlukan ruang yang besar dan mesin yang mengeluarkan bunyi yang bising. Namun demikian, kini dengan hanya mempunyai sebuah alat perakam yang kecil dan senyap dapat merakam keseluruhan adegan dalam filem dengan cepat malah dengan kualiti yang baik. Situasi ini turut disentuh oleh para informan.

“Kebanyakan mereka ambil dari filem di panggung. Mereka rakam di panggung. Sebab kalau cerita Inggeris, bukan sahaja di sini ditayangkan, tetapi di panggung luar negara pun ada ditayangkan. Filem cetak rompak, master itu pun ada datang dari luar negara. Mereka download dalam internet. Sebab kalau pemegang hak cipta yang asal tidak menayangkan filem mereka di panggung, bagaimana filem ini boleh dicetak rompak atau maksud saya boleh ada di Internet. Mana Internet ini dapat source kalau ianya tidak ditayangkan. Jadi mestilah mereka ambil atau rakam dari panggung dan upload kan dalam Internet”. D2

Kini penggunaan intensif peralatan moden seperti telefon selular dan komputer riba diperhebatkan dengan kemudahan akses kepada internet membolehkan khalayak untuk menonton filem cetak rompak dan filem tidak bertapis tanpa kekangan. Kenyataan ini ditekankan oleh informan D1 *“Sebab golongan yang muda atau gen y sekarang mereka boleh*

tengok full movie dengan hand phone”. Ini membawa kepada rumusan bahawa perkembangan teknologi boleh mendatangkan implikasi yang positif dan negatif.

ii. Isu Hak Cipta

Isu ini hanya timbul hasil dari dapatan temu bual bersama informan dari kategori penggiat seni. Biar pun dilihat sebagai isu yang remeh namun menurut informan faktor inilah yang menyumbang kepada kewujudan aktiviti ini.

“sebab ada term period dengan pemegang hak cipta atau principal untuk keluarkan DVD. kalau sekarang main di panggung, kita tidak boleh keluarkan DVD, kita kena tunggu, kadang-kadang kita kena tunggu 1 bulan, 2 bulan atau 3 bulan lah”. D2

iii. Tatacara Pelaksanaan

Faktor ini secara jelas melibatkan dasar dan peraturan yang telah digariskan oleh Kerajaan dalam elemen pelaksanaan media di Malaysia. Tatacara pelaksanaan merupakan antara faktor yang dikenal pasti yang membawa kepada kewujudan aktiviti ini. Tatacara pelaksanaan ini merujuk kepada tatacara-tatacara menjalankan penguatkuasaan, permohonan untuk filem import, pengeluaran filem dalam bentuk VCD/DVD, dan sebagainya. Ini dinyatakan oleh informan berdasarkan petikan berikut:

“Kalau undang-undang berubah, tapi enforcement tidak up to the standard dan pendidikan pun tidak menepati matlamat pun tidak boleh juga”. A2

Merujuk tatacara pelaksanaan bagi permohonan filem import, Informan B6 menjelaskan peranan dan tatacara pelaksanaan permohonan ini:

“Macam pihak kami, tertakluk kepada barangan import yang bersyarat lah , di mana setiap filem yang diimport kalau ikut di bawah Seksyen 7 APF di mana pihak Kastam

perlu menahan setiap filem yang diimport dan memerlukan pihak kita mengeluarkan satu permit untuk membolehkan pelepasan dibuat oleh pihak Kastam dan ia termasuk dalam kategori barangan import bersyarat”. B6

Namun demikian, setelah dirujuk dengan pihak Kastam berhubung sama ada filem merupakan barangan import bersyarat atau tertakluk kepada mana-mana peraturan di dalam Akta Kastam.

Ini merupakan jawapan dari pihak Kastam:

“Dalam kita punya perintah sama ada larangan atau tidak Saya akan semak terlebih dahulu (sama ada filem dikategorikan di bawah perintah larangan).... Ok di bawah perintah larangan import memang tidak ada (filem) di bawah kepala (perkara) 3706. Memang tidak ada”. B7

Kenyataan ini mencerminkan bahawa oleh kerana filem tidak termasuk dalam barangan/dagangan di bawah perintah larangan import, maka sudah tentu penguatkuasaan tidak dilaksanakan dengan begitu teliti. Seperkara lagi berhubung tatacara pelaksanaan bagi filem import ini pula dilihat menyumbang kepada kemungkinan kewujudan filem tidak bertapis di pasaran. Ini disebabkan oleh peruntukan undang-undang di dalam Akta Penapisan Filem 2002 dengan jelas menyatakan bahawa pengecualian permit diberikan bagi filem untuk kegunaan peribadi. Maka di sini, persoalan yang timbul bagaimana pihak KDN mahupun Kastam dapat mengenal pasti bahawa filem yang diimport itu untuk kegunaan peribadi? Bagaimana pula dengan tatacara pelaksanaan bagi filem kategori ini? Persoalan ini dijawab oleh para informan:

“untuk pengecualian permit apa kategori pun mesti merujuk kepada HQ pihak UPF. Kami di sini hanya membuat perlepasan kepada sistem SMK (Sistem Maklumat Kastam) setelah mendapat surat kelulusan permit dari HQ”. B6

Persoalan seterusnya menjengah di fikiran pengkaji, bagaimana pula pengecualian itu dikemukakan dan bagaimana ianya diperoleh? Persoalan ini dijawab oleh Informan B6 dengan

menyatakan bahawa “*Ya, macam kita akan minta ejen bawa satu sampel untuk kita akan hantar ke HQ (Unit Penapisan Filem) dorang untuk tonton tapis dan akan buat penilaian lah*”. Pengkaji cuba pula menerokai bagaimana pula ejen perlu membawa sampel sedangkan filem yang diterima adalah 1 keping dan masih berada dalam kawalan pihak Kastam? Informan B6 menerangkan bahawa “*Dia untuk sampel boleh, untuk bawah... tapi untuk sampling bila kita remark untuk sample dia akan boleh bawa, tapi bukan... kalau banyak tu dia akan ambil satu dua lah*”.

Jelas di sini, wujud kepincangan dalam tatacara pelaksanaan ini yang mana, filem tetap dilepaskan kepada ejen dengan alasan untuk dikemukakan untuk tapisan oleh pihak Lembaga Penapisan Filem (LPF), sedangkan filem tersebut tidak sepatutnya dibawa keluar selagi permit pengecualian tidak diberikan. Seperkara lagi, ada kemungkinan filem tersebut tidak dihantar ke KDN untuk tujuan tapisan dan juga berlaku kemungkinan filem tersebut dibuat salinan tanpa melalui tapisan LPF terlebih dahulu. Oleh yang demikian, tidak mustahil filem ini akan mewujudkan situasi di mana filem tidak bertapis berada di pasaran.

iv. Tatacara kelulusan

Tatacara kelulusan juga tidak terkecuali merupakan isu dasar yang telah ditetapkan oleh Kerajaan dalam amalan media di negara ini. Penggubalan dasar yang dirangka adalah demi memastikan amalan media di negara ini berprinsip kepada aspirasi negara namun demikian ia dilihat memberikan implikasi yang negatif dalam perkembangan industri filem negara oleh penggiat seni. Kenyataan ini merujuk kepada petikan-petikan informan:

“Lagipun apabila kita dapat master dari pemegang hak cipta, kita perlu menghantar untuk tapisan sekali lagi kepada pihak LPF. Walaupun filem telah disensor atau ditayangkan di panggung, tapi kita perlu menghantar sekali lagi ke LPF untuk ditapis dalam bentuk DVD. So itu pun mengambil masa”. D2

Meskipun tempoh masa yang diambil untuk menapis filem tersebut hanya lebih kurang 5 hari, namun tempoh ini sudah cukup ‘menyiksa kan’ bagi penerbit VCD/DVD. Ini berdasarkan ungkapan dari informan D2 *“Kadang-kadang 1 minggu atau 2 minggu. Kalau cerita Melayu paling cepat 5 hari. Selepas itu bila kita dapat baru hantar ke kilang untuk dibuat salinan”*. Ini ditambah pula dengan tempoh masa untuk permohonan Perakuan B bagi setiap salinan filem yang mengambil masa lebih kurang 3 hari pula. Antara petikan informan ini *“selepas dapat keputusan A Card (certificate) dari LPF. Di sana kita akan apply untuk B Cert dan baru hantar untuk salinan. Dan akan ambil masa untuk itu juga”*.

Penantian ini tidak terhenti di sini sahaja, pengedar VCD/DVD atau filem perlu menunggu sekurang-kurangnya 3 hari untuk mendapatkan Perakuan B atau ‘B Cert’ yang dipohon daripada pihak KDN. Tempoh masa ini ada yang berlarutan sehingga 1 minggu bergantung kepada jumlah Perakuan B yang dipohon seperti yang dinyatakan oleh informan D2 *“Paling cepat 3 hari. Itu pun sekarang tidak ada sebanyak 10,000 lagi sekarang hanya 3,000 atau 4,000 untuk 1 tajuk. So lepas dapat itu baru kita boleh buat percetakan dan packaging baru kita boleh keluar DVD”*.

Tatacara kelulusan yang seterusnya yang wajib dipatuhi oleh pengedar VCD/DVD adalah permohonan hologram. Menurut informan D2 *“Kita kena tunggu 1 minggu, sebab bukan sahaja LPF tapi kita kena mohon hologram dari KPDNKK”*. Secara tradisinya, dasar dan

peraturan dibentuk demi memastikan kelancaran suatu proses kerja, namun apa yang berlaku di sini, memperlihatkan perlunya ia dikaji semula. Sebagaimana menurut informan D2:

“Paling cepat atau sekurang-kurangnya 3 minggu, itu pun kalau dapat cepat. Baru dapat 1 filem keluar dalam bentuk DVD, itu pun kita selalu mohon bantuan dari KDN dan KPDNKK untuk mempercepatkan pengeluaran B Cert dan hologram dari agensi berkenaan. Kalau tidak lagi banyak cetak rompak keluar dan kita akan mengalami kesusahan”. D2

v. Peruntukan Undang-Undang

Peruntukan undang-undang yang dibentuk sering dilihat dari perspektif yang berbeza mengikut di pihak mana khalayak itu berdiri. Perkara ini disebabkan oleh berlaku ketidakseragaman dalam tatacara pembuktian kes di Mahkamah. Ini berlaku semasa kes pendakwaan di Mahkamah yang melibatkan pertuduhan terhadap orang yang menjual filem cetak rompak di bawah Akta Hak Cipta 1987. Informan D2 turut berkongsi pengalaman:

“Tapi yang paling penting adalah dokumen yang diperlukan asyik tukar. Maksud saya semasa pendakwaan di Mahkamah. Contoh bila kita buat , kita kadang-kadang beli bukan dengan 1st owner, contoh filem ini, 1st owner adalah Daniel Lim, and 2nd owner adalah GSC sebab dia beli dari Daniel Lim (Prinsipal). So saya beli dari GSC dan semasa pendakwaan atau perbicaraan mereka perlukan dokumen pengesahan hak milik dari 1st owner (Daniel Lim) sedangkan saya tidak pernah berurusan dengan 1st owner, pembelian hanya melibatkan 2nd owner jadi bagaimana saya nak dapatkan dokumen itu dari 1st owner. Jadi ini yang menyebabkan kebanyakan kes tidak dapat disabitkan dan buang macam itu sahaja”. D2

Situasi ini mencerminkan bahawa peruntukkan undang-undang yang tidak seragam mengakibatkan sesuatu tindakan itu berkemungkinan tidak dapat memberi pengajaran kepada pihak yang melakukan kesalahan. Sebagaimana yang ditekankan oleh informan D2 *“Jadi selalu pendakwaan ini masalah di pihak pendakwaan dan teknikal lah. Bagi saya, orang pirate tidak akan serik dan akan fikir tidak kisah untuk ditangkap sebab selalu akan lepas”*.

Hubung Kait Fenomena Filem Cetak Rompak Dan Filem Tidak Bertapis Dengan Sistem Media

Model sistem media bebas menekankan elemen kebebasan mutlak iaitu media bebas untuk menerbitkan atau mencetak sebarang penerbitan tanpa perlu melalui tatacara yang ditetapkan oleh kerajaan atau pihak berkuasa yang lain seperti permohonan lesen atau permit, pematuhan kepada garis panduan, penapisan, dan akta-akta yang dibentuk bagi penerbitan media. Hasil kajian menunjukkan bahawa operasi media di negara ini tidak mempunyai kebebasan mutlak yang mana media dikawal oleh kerajaan. Pengawalan ini dikuatkuasakan melalui dasar dan perundangan yang melibatkan garis panduan dan akta-akta yang berkaitan dengan media. .

Manakala model sistem media tanggungjawab sosial pula menekankan elemen media bertanggungjawab terhadap masyarakat dan intervensi dari kerajaan diperlukan dalam keadaan tertentu. Dalam hal media di negara ini, tanggungjawab tersebut bermakna bahawa organisasi media perlu mengelakkan dari menerbitkan kandungan media yang membawa kepada kemusnahan perpaduan kaum . Maka, sekiranya penerbitan kandungan media tersebut menjurus kepada perpecahan kaum di negara ini, intervensi kerajaan boleh dilakukan dengan memberi panduan, nasihat atau hukuman kepada organisasi media tersebut. Realitinya, operasi media di negara ini dikawal oleh kerajaan melalui alat-alat media.

Bagi model seterusnya iaitu ‘A professional model’ yang menekankan peranan wartawan dalam memberi maklumat kepada masyarakat. Dengan mempertimbangkan isu peranan wartawan ini berkaitan fenomena filem cetak rompak dan filem tidak bertapis, terlihat jelas bahawa peranan ini kurang difokuskan oleh wartawan sehingga menimbulkan rungutan di

kalangan penggiat seni bahawa isu filem cetak rompak dan filem tidak bertapis amat tidak diberi perhatian oleh akhbar. Sepertimana yang diungkapkan oleh informan B4:

“Pada pandangan saya untuk menimbulkan kesedaran adalah satu, peranan media tu sendiri dan kemungkinan berkaitan untuk menghebahkan kepada rakyat, pertama untuk mendaftar, kedua dari segi publisiti kepada masyarakat bahawa mereka perlu prihatin tentang hak cipta seseorang untuk mengelakkan cetak rompak, peranan media lah yang dapat menimbulkan kesedaran ini”.B4

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sistem media di negara ini tidak termasuk di bawah model ini.

Model keempat yang terkandung di dalam Teori Normatif Media ialah model media alternatif yang memfokuskan kepada media yang bukan dari arus perdana seperti akhbar dan televisyen yang berbeza cita-cita dan matlamat. Model media alternatif menjurus kepada media yang lahir dari perkembangan teknologi seperti internet. Oleh kerana selera masyarakat kini beralih kepada media dari kategori ini, dapat disifatkan bahawa fenomena ini mempunyai perkaitan yang rapat dengan kemunculan media dari model ini. Malah ‘kemeriahan’ fenomena filem cetak rompak dan filem tidak bertapis ini turut dikaitkan dengan perkembangan teknologi. Ini dibuktikan dengan penghasilan cakera optik yang lebih murah, cepat dan berkualiti hasil dari perkembangan teknologi. Selain itu, kaedah mendapatkan filem kategori ini lebih mudah dan murah dari media alternatif. Justeru, tidak hairanlah fenomena filem cetak rompak dan filem tidak bertapis mudah membiak dengan kemunculan media alternatif.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor kewujudan aktiviti filem cetak rompak dan filem tidak bertapis didorong oleh faktor yang lebih menjurus kepada dasar dan perundangan yang dibentuk oleh kerajaan. Namun perkembangan teknologi telah ‘membantu’ fenomena filem cetak rompak dan filem tidak bertapis menjadi lebih berleluasa. Keadaan ini didorong oleh kemunculan media alternatif yang bersifat lebih dinamik yang menepati kehendak khalayak. Di samping itu, tidak ketinggalan isu hak cipta turut mendorong kewujudan fenomena ini. Ini dapat dilihat melalui penelitian dapatan kajian seperti isu hak cipta yang melibatkan ‘term period’ yang terlalu lama dikenakan oleh pemilik hak cipta terhadap pengedar atau ‘2nd owner’, tatacara kelulusan yang ditetapkan oleh dasar yang mana melibatkan terlalu banyak agensi dan peringkat yang harus diikuti oleh pengedar VCD/DVD sebelum ianya dapat diterbitkan. Tempoh masa di antara setiap peringkat diambil kesempatan oleh penyayang cetak rompak untuk mengeluarkan VCD/DVD cetak rompak mengatasi pengedar yang sah. Ini ditambah pula dengan perkembangan teknologi yang membolehkan penghasilan VCD/DVD cetak rompak ini lebih pantas mengatasi kepantasan pengeluaran di kilang dan kos penghasilan yang lebih minima.

Di samping faktor lain seperti tatacara pelaksanaan yang merangkumi penguatkuasaan yang tidak mencapai standard global, tatacara kemasukan filem import yang didapati rapuh dan ketiadaan penyelarasan penguatkuasaan di antara agensi penguat kuasa yang terlibat. Kekangan dari sudut peruntukkan perundangan oleh Pihak Berkuasa Tempatan turut menjadikan aktiviti ini tidak mampu dihalang sehingga ke akar umbi.

Filem bukan sahaja berupaya menjadi wahana mesej malah merupakan cabang rentas aktiviti ekonomi yang mampu mengerakkan pembangunan negara. Industri ini turut terlibat dalam pembangunan sistem ekonomi negara. Selain dari fungsi asasnya memberikan hiburan, filem juga berperanan sebagai alat komunikasi yang melaluinya dapat membentuk pemikiran dan persepsi penonton. Pemaparan tingkah laku dan budaya yang difilemkan mencerminkan ketamadunan sesuatu bangsa. Justeru itu, filem dilihat sebagai unsur keselamatan bagi Bahagian Kawalan Penapisan Filem dan Penguatkuasaan, Kementerian Dalam Negeri khususnya. Manakala bagi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, faktor ekonomi mengambil tempat.

Berdasarkan penemuan di atas, kajian ini mengandaikan bahawa sistem media yang diaplikasikan di Malaysia mirip model sistem media tanggungjawab sosial semi media alternatif yang mana pengeluar filem yang bertindak sebagai organisasi media juga bertanggungjawab untuk mendidik masyarakat melalui filem yang dikeluarkan dengan sedikit intervensi kerajaan iaitu dari sudut kawalan penapisan dan penguatkuasaan. Harus diingat, pengawalan oleh kerajaan adalah demi memastikan keselamatan dan ketenteraman awam terpelihara di mana kepentingan khalayak mengatasi kepentingan individu. Namun demikian, kawalan penapisan ini juga dikatakan menyumbang kepada kewujudan aktiviti filem cetak rompak yang mana dikatakan tatacara penapisan dan kelulusan yang remeh dan mengambil masa. Keadaan ini diburukkan lagi dengan penyertaan media alternatif yang dominan sebagai punca kewujudan aktiviti ini. Malah tidak keterlaluan dapat dikatakan bahawa kaedah khalayak mendapatkan filem cetak rompak dan filem tidak bertapis kini adalah lebih tertumpu kepada media alternatif berbanding dari pembelian dalam bentuk fizikal seperti VCD/DVD. Kajian ini

juga menemukan bahawa intervensi kerajaan dari sudut pengawalan ke atas laman-laman web yang menawarkan filem cetak rompak dan filem tidak bertapis masih tidak dilaksanakan sebagaimana yang dilaksanakan oleh negara luar.

BIODATA PENULIS

Noor Aziah Abdullah ialah calon Doktor Falsafah di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia yang sedang berkhidmat di Kementerian Dalam Negeri dan mendapat tajaan untuk melanjutkan pengajian Falsafah Jedoktoran daripada JPA. Email: aziahaniza@gmail.com

Wan Amizah Wan Mahmud ialah Profesor Madya dan Ketua Program Komunikasi Media di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: wan_amizah@ukm.edu.my

Mohd Nor Shahizan Ali adalah pensyarah kanan di Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Email: shahizan@ukm.edu.my

RUJUKAN

- Adeyami.P.R., Akashoro, P. & Ajaga.M . 2013. An empirical study of the trend and patern of video piracy in Nigeria. *European Scientific Journal*, 9(14): 1857 – 7881.
- Ahmad Shamsul Abd Aziz. 2006. Cetak rompak produk optik di Malaysia: Antara tuntutan sivil dan sabitan jenayah. *IJMS 13 (special issue)*. 13:189–202.
- Akta Penapisan Filem 2002
- Akta Perihal Dagangan 2011
- Akta Hak Cipta 1987 (Pindaan) 2012
- Amira Sariyanti.2012. Past and Present of Siebert & Colleagues’ Four Theories of the Press: Sequential Modifications of Press Theories Associated with the Media’s Social Obligations within the Framework of the Social Environment of the Day. *Jurnal Pengajian Media Malaysia*.14(1):1–16
- Fuziah Kartini Hassan Basri & Raja Ahmad Alauddin. 2003. The search for a Malaysian cinema: between U-Wei Shaari, Shuhaimi, Yusof and LPFM. Dlm. Shamsudin

A.Rahim (pnyt.). *Isu-isu komunikasi*. Bangi: Pusat Pengajian Media dan Komunikasi UKM.

Garis Panduan Penapisan Filem 2010.

Hill, C. W. L. 2007. Digital Piracy: Causes, Consequences, And Strategic Responses. *Asia Pacific J Manage*, 24, :9–25.

International Intellectual Property Alliance.2001.IIPA Special 301 Report,2001. <http://www.iipa.com/rbc/2001/2001SPEC301MALAYSIA.pdf>. [15 April 2014]

International Intellectual Property Alliance.2005.IIPA Special 301 Report,2005. <http://www.iipa.com/rbc/2005/2005SPEC301MALAYSIArev.pdf> [10 April 2014]

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) 2012

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) 2014

Karaganis, J. 2011. *Media Piracy in Emerging Economies*. USA: Social Science Research Council.

Khaw.L.T. 1994. *Copyright law in Malaysia*. Butterworths Asia.

Lobato,R.2010.Creative Industries And Informal Economies Lessons From Nollywood. *International Journal Of Cultural Studies*. 13(4): 337–354

Lobato,R.&Thomas,J.2012. Transnational Piracy Research in Practice: A Roundtable Interview with Joe Karaganis, John Cross, Olga Sezneva, and Ravi Sundaram .*Television & New Media*.13(5) 447–458.

Motion Picture Association America .<http://www.mpa.org/our-story/>[5 Mei 2014].

McIlwain,S.J.2005.Intellectual Property Theft & Organized Crime: The Case of Film Piracy.

McQuail.D. et al. 2010. *Normative Theories of the Media*. University of Illinois Press: Urbana

Nor Hashimah Jalaluddin & Zaharani Ahmad.2011.Hallyu Di Malaysia: Kajian Sosiobudaya. *Jurnal Komunikasi Malaysia*.Jil.27(2): 203-219

Othman Lebar.2014.Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori Dan Model: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Perintah Perihal Dagangan (Label Cakera Optik) 2010.

- Parkes.M. 2012. Making Plans for Nigel: The Industry Trust and Film Piracy Management in The United Kingdom. *Convergence: The International Journal of Research into New Media Technologies*, 19, 25–43.
- Shipman.L.L 2007. *The Movie Piracy Industry In China And Its Relationship with Intellectual Property Rights*. University of Kansas.
- Treverton,G.F, Matthies, K. J. C. & Goulka,J, Ridgeway G,2009.A.*Film Piracy,Organized Crime, and Terrorism*.hlm.67. USA.
- Thompson,K.&Bordwell,D.2003.*Film Art:An Introduction*.New York:McGraw Hill.
- Unit Statistik.2014. Bahagian Kawalan Penapisan Filem. Kementerian Dalam Negeri.
- U.S. General Accounting Office.1989. "Nontraditional Organized Crime: Law Enforcement Officials' Perspectives on Five Criminal Groups," Report number OSI-18-19,. Available at <http://archive.gao.gov/d26t7/139919.pdf> .[20 Jun 2015].
- Wan Amizah Wan Mahmud. 2008. Perkembangan Dan Pembangunan Sistem Dan Dasar Penapisan Filem Di Malaysia. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wang, S.2006. Breaks, Flows, And Other In-Between Spaces: Rethinking Piracy And Copyright Governance. *Policy Futures in Education*, 4(4).
- Yar, M. 2005. The global "epidemic" of movie "piracy": crime- wave or social construction? *Media, Culture & Society*, Vol. 27(5), 677–696.
- Yusman. 2002. Syarikat Rakaman Punca Cetak Rompak. *MASSA*, 38–39.